

# Cabaran besar kepada orang Melayu

UM 29 NOV 1995

6

JITRA 28 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak menganggap pilihan raya umum esok sebagai satu cabaran besar bagi dirinya tetapi ia lebih kepada masa depan orang Melayu.

Menurutnya, pilihan raya umum itu akan memecahbelahkan lagi orang Melayu yang sudah lemah dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi dan pendidikan.

"Pilihan raya ini adalah satu cabaran tetapi bagi orang Melayu yang semangannya lemah dalam ekonomi dan pendidikan, ia merupakan cabaran yang lebih besar bagi mereka,"

katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata, jika orang Melayu dipecahkan secara politik pula, mereka akan berada dalam kedudukan yang tidak memberi sebarang keistimewaan lagi.

Dr. Mahathir juga mengakui beliau banyak memberi tumpuan terhadap Pas yang didakwa cuba memecahbelahkan orang Melayu dengan memberi tafsiran kepada sesuatu perkara mengikut kepentingan politik mereka.

Katanya, Pas mendakwa orang UMNO mati sebagai bukan Islam dan mengugut tidak mahu melakukan

sembahyang ke atas jenazah mereka.

"Kita mungkin berbeza pandangan dalam politik tetapi dalam hal agama tidak sepatutnya berlaku perbezaan kerana keduanya berada di pihak yang sama," ujarnya.

Mengenai maklum balas penduduk di negeri ini sepanjang dua hari lawatannya ke sini, Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana sambutan yang diberikan adalah secara besar-besaran terutama ketika melawat Kompleks DXN di Bukit Wang iaitu syarikat pengeluar produk kesihatan berasaskan kulat.

"Mungkin ada poster pembangkang sana sini tetapi itu bukan bermakna mereka akan mendapat kemenangan," katanya.

Ditanya mengenai keadaan cuaca yang mungkin memberi kesan pada hari pengundian esok, Dr. Mahathir menjawab, semua parti politik sudah bersedia untuk menghadapinya termasuk BN yang akan menyediakan payung dan baju hujan.

Perdana Menteri juga berharap sebahagian besar daripada pengundi akan tetap keluar membuang undi walaupun dalam keadaan hujan.